



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 106/2020
Dated 15 Apr 2020**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

**Update | Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order
Standard Operating Procedure and Operating Guidelines for the Legal Sector**

We refer to [Circular No 099/2020](#) entitled “Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order” dated 11 Apr 2020 and [Circular No 105/2020](#) entitled “Update | Specific Industries Allowed to Operate During the Movement Control Order” dated 14 Apr 2020”.

We draw Members’ attention to the Standard Operating Procedure (“SOP”) and operating guidelines for the legal sector, during the period of the Movement Control Order (“MCO”) which we obtained from the Ministry of International Trade and Industry’s (“MITI”) portal. Please click [here](#) to view the document (see page 2 to 6).

Thank you.

**A G Kalidas
Secretary
Malaysian Bar**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
DAN
GARIS PANDUAN KEBENARAN
BEROPERASI SERTA PERGERAKAN
KAKITANGAN BAGI SEKTOR
PERKHIDMATAN BERKAITAN
DENGAN GUAMAN
DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**



2020

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI**

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN KAKITANGAN BAGI
SEKTOR PERKHIDMATAN BERKAITAN DENGAN GUAMAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. Cabang dalam sektor perkhidmatan berkaitan dengan Guaman yang dibenarkan untuk beroperasi ialah cabang *conveyancing* dan korporat berkaitan dengan sektor yang dibenarkan oleh MITI, tetapi tidak termasuk yang hanya melibatkan khidmat nasihat sahaja. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, cabang litigasi dan lain-lain adalah tidak termasuk dalam cabang perkhidmatan berkaitan dengan Guaman bagi maksud SOP ini.
2. Waktu operasi yang dibenarkan hanya dari pukul 10.00 pagi sehingga pukul 4.00 petang sahaja dan hanya melibatkan jumlah dua (2) hari seminggu iaitu Selasa dan Khamis sahaja.
3. Hanya premis guaman yang berada di Zon Hijau dibenarkan beroperasi dan perkhidmatan semuka hanya boleh diberikan kepada pelanggan dari Zon Hijau juga (zon yang sama)
4. Pelanggan tidak dibenarkan bergerak melangkaui zon sekiranya zon asal adalah selain daripada Zon Hijau.
5. Jumlah kakitangan yang dibenarkan berkhidmat pada satu-satu masa/hari adalah tertakluk kepada komposisi firma guaman termasuk cawangan, sekiranya ada, (merangkumi rakan kongsi, peguam kanan, peguam, kakitangan am dan penghantar surat) iaitu berdasarkan deklarasasi jumlah kakitangan firma sewaktu permohonan dibuat. Komposisi firma guaman dan peratusan

maksimum yang dibenarkan oleh MITI pada satu-satu masa adalah seperti yang berikut:

Komposisi Kakitangan Firma Guaman	Kelulusan maksimum oleh MITI pada satu-satu masa berdasarkan peratusan/bilangan
21 orang ke atas	20%
10-20 orang	30%
Kurang dari 10 orang	3 orang

6. Jumlah kehadiran setiap kakitangan pada setiap masa hendaklah direkodkan dalam buku daftar khas dengan tulisan tangan kakitangan berkenaan dengan rekod nama, no. kad pengenalan, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod kehadiran ini hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama 6 bulan.
7. Kebenaran beroperasi tidak meliputi pertemuan dengan anakguam, dan konsultasi dengan anakguam hanya bagi perkara yang benar-benar mendesak dengan kehadiran anakguam terhadap seorang pada satu masa.
8. Kehadiran anakguam hendaklah direkodkan dalam buku kehadiran anakguam beserta maklumat, nama, no. kad pengenalan, alamat, no. telefon, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar, tandatangan keluar dan catatan urusan. Rekod kehadiran ini hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama 6 bulan.

9. Firma digalakkan menggunakan khidmat penghantar surat firma untuk mendapatkan tandatangan atau kelulusan bertulis anakguam masing-masing untuk sesuatu dokumen dengan mengamalkan penjarakan sosial selain pematuhan kepada prosedur pencegahan Covid-19 yang lain seperti penggunaan *hand sanitizer* atau sarung tangan dan pemakaian penutup hidung dan mulut (*face mask*).
10. Walau bagaimanapun penyediaan tuntutan bil guaman kepada anakguam yang meliputi semua cabang amalan firma guaman adalah kekal sebagaimana arahan Kerajaan Malaysia sebelum ini iaitu pada hujung bulan sepertimana proses penyediaan gaji.
11. SOP ini hendaklah dibaca bersama *Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh MITI seperti berikut:
 - a. Firma dikehendaki untuk menyediakan alat saringan suhu badan di pintu masuk pejabat dengan bacaan suhu harian kakitangan direkodkan;
 - b. Kakitangan yang mempunyai bacaan melebihi kadar tidak sihat (37.5°) adalah tidak dibenarkan memasuki premis dan menjadi tanggungjawab firma merujuk kakitangan berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan/Klinik Panel;

- c. Prosedur pencegahan Covid-19 hendaklah dipatuhi termasuk penjarakan sosial;
 - d. Firma hendaklah menyediakan *hand sanitizer* serta memastikan pemakaian *face mask* oleh kakitangan adalah dipatuhi pada setiap masa;
 - e. Firma hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis sebanyak 2 kali sehari khususnya di kawasan tumpuan (sewaktu operasi);
 - f. Sekiranya terdapat kakitangan yang dijangkiti Covid-19, firma hendaklah menanggung kos perubatan dan kos-kos berkaitan; dan
 - g. Jika terdapat sebarang percanggahan/ketidakselaratan peruntukan SOP ini dengan *Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan*, maka SOP ini adalah terpakai setakat mana yang tidak selaras.
12. Kerajaan berhak untuk menarik balik kelulusan sekiranya melanggar garis panduan yang ditetapkan.

****Kerajaan berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.***